

Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

# e-Lingua

APRIL 2026

1/2026

*Connecting Cultures  
One Word at a Time*

你好

Apa Khabar?

Bonjour

Hello

مرحبًا

Hallo

こんにちは



# Battle Arena University Series 2/2025: VEGA Gegarkan PTAR

NOOR AZLI AFFENDY LEE<sup>1</sup>, NURUL FARZANAH MOHD ROSLI<sup>2</sup> & MOHD IKMAL FAZLAN ROZLI@ROSLI<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UITM CAWANGAN PULAU PINANG

<sup>3</sup>FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UITM CAWANGAN PULAU PINANG

**Kelab Varsity E-sports & Gamers Alliance (VEGA) telah menganjurkan Battle Arena University Series 2/2025 yang berlangsung pada 29 November hingga 4 Disember 2025 bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Program ini menerima sambutan yang sangat menggalakkan dengan 224 orang peserta, sekali gus membuktikan minat pelajar UiTM terhadap arena e-sukan semakin berkembang.**

**Sepanjang program, pertandingan dijalankan secara gabungan dalam talian dan fizikal serta melibatkan beberapa permainan e-sukan popular seperti MLBB, PUBG Mobile (PUBGM), dan eFootball. Format ini memberi ruang kepada lebih ramai pelajar untuk bertanding, sambil memastikan pengalaman pertandingan kekal kompetitif dan tersusun.**

Selain itu, kelab dan rakan strategik juga membuka stesen PlayStation 5 yang menampilkan permainan e-sukan popular seperti Tekken 8 dan FC25 untuk para pengunjung bermain.

Di samping itu, pihak penaja Switch (CG Computer Sdn Bhd) telah mengadakan satu program perkongsian bersama warga UiTM CPP. Pihak Switch telah membawa sebanyak 20 buah peranti iPad untuk dipinjamkan kepada para peserta. Peserta telah didedahkan kepada aplikasi melakar gambar berdasarkan objek sebenar yang boleh dimuat turun secara percuma melalui Apple Store. Perkongsian ini telah dilakukan oleh Penceramah Switch, Encik Hafeez yang juga merupakan alumni UiTM CPP.



**Kelab VEGA merakamkan penghargaan kepada para penaja dan rakan strategik yang banyak menyokong kelancaran program, iaitu Urban Republic, Switch, Negeri Sembilan eSports Association (NSEA), dan Aftech Construction. Ucapan terima kasih juga kepada PTAR atas kerjasama menyediakan ruang bagi hari kemuncak program, sekaligus menjadikan suasana pertandingan lebih meriah dan mesra penonton.**



**Dari sudut impak, penganjuran ini bukan sahaja menyediakan platform kepada pelajar untuk menyerlahkan bakat e-sukan, malah membantu mengasah kemahiran pengurusan ahli kelab, strategi permainan, dan kerja berpasukan. Untuk penambahbaikan penganjuran akan datang, VEGA turut mencadangkan elemen seperti penstriman-langsung (live-streaming) yang lebih profesional, reruai interaktif, serta promosi media sosial yang lebih konsisten supaya program dapat menarik lebih ramai penonton dan komuniti e-sukan.**

# The Team



**Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad  
Rashidy Razali**  
Rector



**Dr. Norhaslinda Hassan**  
Head of Center / Adviser



**Wan Noorli Razali**  
Chief Editor



**Aini Syahira Binti  
Jamaluddin**



**Muhammad Aiman  
Abdul Halim**



**Ummu Habibah Binti  
Mohd Sakri @ Shukri**



**Nur Fatin Nabila  
Abdul Rahman**



**Nur Fatin Shahmina  
Mohd Fauzey**



**Fasyin Diyana  
Mohamad Fadzil**



**Nur Aalia Arifin**



**Nurul Farzanah  
Mohd Rosli**



**Noraziah Mohd Amin**



**Seng Hui Zanne**



**Lim Teck Heng**